



TEKS UCAPAN

**YBRS. DR. ALAUDDIN BIN SIDAL
PENGARAH INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)**

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN INTAN (PBI)

BULAN DISEMBER 2021

ANJURAN: PEJABAT PENDAFTAR

TEMA:

**MENDEPANI CABARAN TAHUN 2022;
INTROSPEKSI PENCAPAIAN TAHUN 2021**

24 DISEMBER 2021, 9.00 PAGI

TEKS UCAPAN

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

SALUTASI

Yang Berusaha Puan Salinah binti Ismail
Timbalan Pengarah Kanan INTAN,

Yang Berusaha Tuan Pendaftar selaku
Penganjur Perhimpunan Bulanan INTAN (PBI) bagi bulan Disember 2021,

Ketua-Ketua Kluster,

Felo-felo Penyelidik Kanan

Pengarah-pengarah Wilayah,

Datuk, Dr., tuan-tuan dan puan-puan, keluarga INTAN sekalian

I. PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya dapat kita semua menghadiri Perhimpunan Bulanan INTAN bagi bulan Disember 2021 anjuran Pejabat Pendaftar.

2. Pada kesempatan ini PI ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Pejabat Pendaftar atas penganjuran Perhimpunan Bulanan INTAN bagi bulan Disember tahun 2021 yang bertema **Mendepani Cabaran Tahun 2022; Introspeksi Pencapaian Tahun 2021.**

II. SELAYANG PANDANG

Keluarga INTAN yang saya hormati,

3. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanawataala kerana kita telah berada di penghujung tahun 2021. Sekiranya disingkap dan diimbaskan kembali, di dalam tahun 2021 ini kita masih lagi diuji dengan pandemik Covid-19 dan yang terbaru kita juga berhadapan dengan bencana banjir di Lembah Klang dan lokasi tertentu lain dimana terdapat sebahagian kecil warga INTAN juga terkesan akibat bencana ini. PI doakan semoga urusan tuan/puan yang terjejas oleh banjir ini dipermudahkan hendaknya.

4. Pelan Pemulihan Negara (PPN) diaktifkan mulai 15 Jun 2021 sebagai strategi membawa negara keluar daripada belenggu pandemik. Selaras dengan SOP Fasa 4 PPN, Perkhidmatan Awam kembali dibenarkan beroperasi sepenuhnya dari pejabat. Mesyuarat dibenarkan untuk diadakan secara fizikal. Seminar, bengkel, kursus, latihan dan ceramah serta majlis rasmi kerajaan juga dibenarkan untuk diadakan secara fizikal tertakluk kepada kapasiti ruang dengan penjarakan fizikal. Semua situasi ini memberi gambaran bahawa kita kini telah bersedia untuk memasuki fasa endemik, kecuali jika berlaku situasi tidak terjangka seperti kes Varian Omicron.

5. Pada bulan Ogos tahun ini juga, telah menyaksikan perubahan dalam kepimpinan politik dan berkerajaan negara. Sebagai jentera Kerajaan, kita sentiasa sedaya upaya melaksanakan semua dasar yang telah diputuskan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat terutama dalam tempoh yang sangat mencabar ini.

6. Saya ingin memetik perenggan akhir Tekad Perkhidmatan Awam cetusan YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) bertarikh 16 Ogos 2021 bahawa “Perkhidmatan Awam telah mengemudi pelayaran yang penuh liku dalam pelbagai konflik dan situasi yang mencabar. Layarnya perlu selari dengan tiupan bayu, dikemudi cekap dan arahnya menepati destinasi yang hendak dilabuhkan. Walau apa pun gelora dan badai melanda, pelayaran ini akan kita teruskan bagi melaksanakan tanggungjawab demi Negara yang kita cintai ini”.

7. Justeru, kita sebagai anggota Perkhidmatan Awam akan terus menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Kita hendaklah berpegang teguh kepada Ikrar Perkhidmatan Awam dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan Negara.

8. Sebagai penjawat awam, tugas perlu dilaksanakan dengan penuh komited dan mendukung konsep *neutrality* dan *serve to government of the day* berlandaskan *rule of law*.

III. INTROSPEKSI PENCAPAIAN INTAN SEPANJANG TAHUN 2021

Keluarga INTAN sekalian,

9. Tahun 2021 juga telah menyaksikan INTAN terus melakar kecemerlangan sebagai institusi pembelajaran sektor awam yang unggul. Di peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), INTAN telah melaksanakan sebanyak 16 projek yang menjadi SKT dan berjaya dicapai sepenuhnya oleh semua kluster/kampus/pejabat/unit di INTAN. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah buat semua Keluarga INTAN atas pencapaian yang wajar kita banggakan ini.

10. Izinkan saya berkongsi 16 projek di bawah SKT INTAN yang dimaksudkan tersebut;

- 10.1 **Program Taklimat kepada ILA dan panel penilai bagi pelaksanaan Program Penilaian Kepimpinan di bawah Dasar Pembangunan Sumber Manusia (DPSM)** yang telah diadakan pada 27 Oktober 2021;
- 10.2 **Kajian pengenalpastian dan penambahbaikan penawaran kursus INTAN kepada penjawat awam** yang telah selesai dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan Tertinggi JPA pada 15 November 2021;
- 10.3 **Penganjuran Kolokium Penyelidikan** yang telah dilaksanakan pada 20 & 21 Oktober 2021 dengan dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri KPPA;

- 10.4 **Penganjuran Program INTAN *Stand and Speak: Talk Your Way To The Top*** yang melibatkan 10 finalis pada 2 September 2021;
- 10.5 **Penganjuran Pertandingan Gegar Pidato Piala Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam** dimana pertandingan peringkat akhir melibatkan 11 finalis telah berlangsung pada 19 Ogos 2021;
- 10.6 **Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Kursus Penilaian Kepimpinan bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi** yang akan dibentangkan pada 24 Disember 2021 di dalam MSC KPPA Bil.11/2021;
- 10.7 **Pelaksanaan Program Diploma Pasca Siswazah Pengurusan Awam (DPA)** yang melibatkan 402 orang peserta dan telah berjaya menerima surat lantikan dan penempatan pada 12 November 2021;
- 10.8 **Enam ratus (600) Program Pembangunan Kompetensi Penjawat Awam dalam bidang Kewangan/Integriti/Etika, Kepimpinan, Ekonomi, Perolehan, Dasar Awam, Inovasi dan ICT** dengan pecahannya seperti berikut;
- a) INTAN Bukit Kiara = 150 program latihan;
 - b) INTAN Jalan Ilmu = 90 program latihan;
 - c) INTURA = 80 program latihan;
 - d) IKWAS = 70 program latihan;
 - e) INTIM = 60 program latihan;
 - f) INTAN Sabah = 70 program latihan; dan
 - g) INTAN Sarawak = 80 program latihan
- 10.9 **Program Kursus Penilaian Kepimpinan bagi Gred JUSA C, 54, 52, 48 dan 44** menerusi ALMP, A-LEAP, J-LEAP, E-LEAP dan M-LEAP;
- 10.10 **Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran digital (EPSA)** di mana seramai 536,388 peserta telah tamat mengikuti EPSA;
- 10.11 **Penerbitan INTAN Management Journal (IMJ)** di mana sebanyak 7 kajian/artikel telah disemak dan diterbitkan pada Disember 2021;

- 10.12 **Penerbitan Buku Tinta INTAN 2021** di mana 28 artikel dibukukan untuk diterbitkan;
- 10.13 **Pelaksanaan projek sambungan pembaikan dan menaiktaraf fasiliti di INTIM dan INTAN Sarawak** dengan perbelanjaan selesai sebanyak RM2.5 juta;
- 10.14 **Pembangunan Sistem Penilaian ICT *Skills Assessment and Certification* (ISAC)** dengan kos sebanyak RM24,150;
- 10.15 **Pelaksanaan projek baharu pembaikan dan menaiktaraf fasiliti di INTAN Bukit Kiara, INTAN Jalan Ilmu, INTURA, IKWAS, INTIM, INTAN Sabah dan INTAN Sarawak** dengan 100% peruntukan telah dibelanjakan; dan yang terakhir
- 10.16 **Pelaksanaan projek *Digital Government Competency Development* (DGCD)** dengan kos perbelanjaan sebanyak RM2 juta bagi RP1.

11. Selain daripada pencapaian SKT 2021 INTAN tadi, kita juga menjadi bahagian terawal di JPA yang telah berjaya mencapai 2 KPI dan 9 PI yang ditetapkan di bawah Outcome dan Output Kerangka Keberhasilan JPA Tahun 2021. INTAN telah berjaya mencapai *outcome* melebihi sasaran dalam KPI penilaian peserta terhadap pelaksanaan latihan dengan skor 6.57 dan KPI keberkesanan Kursus DPA dengan pencapaian penilaian 89.38%.

12. Bagi pencapaian output yang diukur menerusi *Performance Indicator*, INTAN telah berjaya mencapai sasaran dalam 9 program iaitu:

- i. Bilangan program kepimpinan yang dilaksanakan (sasaran 19: pencapaian 21)
- ii. Bilangan kursus persediaan Sarjana/PhD (sasaran 3: pencapaian 3)
- iii. Bilangan peserta menamatkan Kursus EPSA (sasaran 100,000: pencapaian 547,577)
- iv. Bilangan penyelidikan dan penerbitan (sasaran 11: pencapaian 16)
- v. Bilangan latihan dianjurkan (sasaran 773: pencapaian 876)

- vi. Penilaian peserta ke atas latihan (sasaran 5.5: pencapaian 6.57)
- vii. Bilangan program pembangunan kompetensi digital (sasaran 5: pencapaian 5)
- viii. Penilaian peserta ke atas program kompetensi digital (sasaran 5.5: pencapaian 6.05)
- ix. Bilangan kursus/seminar digital secara e-learning (sasaran 10: pencapaian 10)

Prestasi ini bermakna INTAN telah memberi sumbangan yang sangat signifikan (100%) terhadap pencapaian Kerangka Keberhasilan (OBB) JPA tahun 2021.

IV. MENDEPANI CABARAN TAHUN 2022; PELAN HALA TUJU INTAN MELANGKAH KE HADAPAN (PASCA 2021)

Keluarga INTAN yang dikasihi,

13. Pada hari ini, saya ingin menarik perhatian semua kepada era INTAN Pasca 2021. Sebagaimana semua sedia maklum, INTAN yang kini menganjak usia 62 tahun telah bersedia untuk melangkah lebih jauh dan seterusnya komited untuk menjayakan INTAN Melangkah ke Hadapan (Pasca 2021), selari dengan Dasar Pembangunan Sumber Manusia (DPSM) Sektor Awam.

14. Seperti semua sedia maklum, dokumen yang telah dirangka ini didukung oleh asas (atau *foundation*) seperti berikut:

- Visi: Untuk menjadi institusi pembelajaran sektor awam yang unggul; serta
- Misi: Untuk membangunkan modal insan sektor awam yang kompeten melalui pembelajaran yang berkualiti.

15. Pembangunan pelan ini juga adalah mengambil kira input yang disampaikan oleh setiap kluster/kampus wilayah/pejabat/unit di INTAN dalam sesi Temu Sua bersama Pengarah INTAN yang diadakan sebelum ini. Pelan yang dibentuk untuk mewujudkan persekitaran kondusif jangka masa pendek dan sederhana INTAN ini amat penting dalam memperkukuhkan keupayaan dan kemampuan modal insan bagi

memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan awam selaras dengan keperluan yang digariskan dalam DPSM. Kerangka DPSM ini dijangka akan dilancarkan pada awal tahun 2022 menerusi Pekeliling Perkhidmatan berkaitan.

16. Pembangunan dokumen ini berpandukan kepada rasional untuk membangunkan sektor awam yang berprestasi tinggi dan bertanggungjawab dalam memenuhi harapan semua pihak berkepentingan. Dalam konteks ini, lima Teras Strategik telah dibentuk di bawah INTAN Melangkah Ke Hadapan (Pasca 2021), seperti berikut:

Teras Strategik 1: Modal Insan (People)

17. Dengan strategi utama untuk meningkatkan kompetensi tenaga pengajar, fokus Teras Strategik 1 ini bertujuan untuk menangani isu kekangan kapasiti tenaga pengajar di INTAN serta isu *loss of expertise* atau *brain drain* yang telah sekian lama menjadi cabaran utama institusi ini.

18. Teras Strategik 1 ini akan menumpukan ke arah memperkasakan kapasiti modal insan, terutamanya tenaga pengajar serta pemerkasaan organisasi INTAN secara menyeluruh bagi memastikan modal insan INTAN sentiasa bersedia dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkesan menerusi program seperti:

- Peningkatan kompetensi pegawai INTAN menerusi kursus persijilan dan “*high level training*”.
- Pengiktirafan tenaga pengajar INTAN sebagai pakar atau *subject matter experts*.
- Pengekalan modal insan berkompentensi terutamanya tenaga pengajar di INTAN untuk tempoh tertentu.
- Merealisasi “*moving up without moving out*” bagi jawatan tertentu yang kritikal secara fleksi.
- Pelaksanaan program *Train the Trainers*, *Knowledge Transfer* dan *Team teaching*.
- Pengukuhan kapasiti pegawai INTAN menerusi *succession planning*, pelantikan secara *contract for service* dan *MyStep*

bagi kepakaran tertentu dan cadangan kenaikan secara *time-based* berasaskan kecemerlangan.

19. Sebahagian daripada cadangan ini akan diusulkan oleh INTAN dalam Kajian Pembaharuan Perkhidmatan Awam tahun depan oleh JPA yang memberi fokus kepada ke arah pembangunan perkhidmatan awam yang moden menerusi pembentukan penjawat awam yang berprestasi tinggi seperti aspirasi RMK-12.

Pelan Strategik 2: Struktur

20. Dengan pelaksanaan DPSM tahun hadapan, struktur dan fungsi INTAN akan diperkukuh untuk memikul tanggungjawab ini. Selain itu pemantapan struktur perlu bagi menangani cabaran dihadapi INTAN termasuk isu mengenai peraturan yang rigid dan infrastruktur yang usang.

21. Menyedari isu serta kekangan yang dihadapi, program berkaitan teras strategik struktur yang telah dirancang dan dikenalpasti di bawah Teras Strategik 2 adalah seperti berikut:

- Pendekatan dan kaedah pengurusan kewangan dan sumber manusia yang lebih luwes;
- Mengukuhkan kerjasama mantap dengan RSOG, ILA terpilih sebagai rakan strategik dan rakan kolaborasi INTAN dalam membangunkan Pusat Penilaian Potensi (DPSM);
- Pemerkasaan kolaborasi tempatan dan antarabangsa INTAN dengan ILA, institusi dan organisasi lain;
- Program *Digital Learning Centre* (DLC) juga akan diperkasakan;
- Membangunkan *Institutional Memory* sektor awam menerusi pemilihan kalangan mantan penjawat awam yang berkebolehan tinggi dalam bidang kepakaran mereka;
- Penyediaan kemudahan dan fasiliti INTAN yang lengkap dan diperbaharui kemudahannya.

Teras Strategik 3: Kandungan (Content)

22. Teras Strategik ini adalah respons terhadap pembaharuan (*reform*) dalam pentadbiran kerajaan serta keperluan kompetensi strategik bagi penyediaan kandungan program/kursus.

23. Perkara ini penting bagi memastikan kandungan kursus yang ditawarkan oleh INTAN kekal relevan dan memberikan impak yang berkesan untuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan awam. Program di bawah Teras Strategik 3 akan merangkumi:

- Aplikasi konsep *Flat, Agile, Streamlined, Tech-Enabled, Efficient, & Resilient* (F.A.S.T.E.R) serta Kepercayaan untuk Berkhidmat (Kebersamaan, Dinamik, Interaksi, Integriti dan Khidmat Bakti) dalam program latihan, penerbitan, penyelidikan (mengikut mana yang bersesuaian);
- Pelaksanaan Program Etika, Integriti dan ETOS Perkhidmatan Awam;
- Program program latihan berkaitan dengan Perolehan, WKB 2030, dan RMK-12;
- Pelaksanaan program latihan di bawah DPSM (kursus pembangunan dan penilaian kompetensi);
- Pelaksanaan Program Pendigitalan dan *Online Learning* serta DGCCR (*Learning Module & TTT*) akan turut dilaksanakan;
- Pelaksanaan Program *Human Resource* dan Inovasi; dan
- Pelaksanaan Program Perancangan Strategik, Bahasa dan Governans.

Teras Strategik 4: Output

24. Dengan strategi utama untuk meningkatkan penyelidikan dan konsultasi berimpak tinggi, Teras Strategik 4 akan membantu INTAN dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik. Sehubungan dengan itu, program kajian di bawah Teras Strategik 4 meliputi antaranya:

- Kajian berkaitan Etika dan Integriti;
- Kajian berkaitan IR 4.0;
- Kajian berkaitan Pendigitalan;
- Kajian berkaitan Tadbir Urus; serta
- Konsultasi/Khidmat Nasihat dan Kolaborasi yang akan menjadi fokus dan tanggungjawab semua Kluster

Teras Strategik 5: Sistem (System)

25. Dengan strategi utama untuk menggunakan pengurusan fasiliti luaran (*outsource*) dan teknologi digital, program di bawah Teras Strategik 5 ini adalah untuk menangani kekurangan infrastruktur digital seperti *bandwidth* internet yang rendah dan peralatan *video conferencing* tidak mencukupi serta tiada pangkalan data maklumat peserta yang telah menamatkan kursus.

26. Sehubungan dengan itu, program di bawah Teras Strategik 5 termasuklah:

- Pengurusan fasiliti luaran yang lebih efektif;
- Pemerkasaan teknologi digital;
- Kaedah pembelajaran digital;
- Penyediaan jaringan internet yang terbaik di semua kampus; dan
- Pemantapan Sistem Pangkalan Data yang menyeluruh.

V. WAY FORWARD

27. Berdasarkan rumusan INTAN Melangkah Ke Hadapan (Pasca 2021) serta cadangan penstrukturan semula INTAN, saya telah menggariskan

beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan bagi semua kluster/kampus/pejabat/unit yang berkaitan bagi menambahbaik penyampaian perkhidmatan INTAN.

28. Selaras dengan pencapaian menuju Visi dan Misi INTAN, menjadi harapan saya agar INTAN sentiasa mempamerkan budaya dan cara kerja terbaik, menjadi relevan sebagai *Centre of Excellence* dan melangkah selanjutnya menjadi *Focal Reference* dalam membentuk modal insan sektor awam yang berintegriti, kompeten dan profesional.

VI. PENUTUP

29. PI mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan TAKZIAH kepada Keluarga INTAN yang diuji musibah banjir sejak Sabtu lalu. PI amat faham, apa pun ungkapan untuk dikongsikan, tidak akan mampu meredakan keresahan, kepayahan dan keperitan yg dialami. Teruslah sabar, tabah dan redha kerana ujian hanya diberi kpd insan-insan hebat yang mampu mendepaninya.

PI juga ingin merakamkan ucapan TERIMA KASIH atas rasa kebersamaan dan keprihatinan seluruh warga INTAN yang telah berkongsi sumbangan dalam pelbagai bentuk seperti wang, barangan keperluan, tenaga dan doa untuk Keluarga INTAN yang terkesan oleh banjir.

PI mengagumi semangat kesukarelawan yang tinggi dalam kalangan Keluarga INTAN. Setinggi-tinggi PENGHARGAAN buat pasukan skuad khas membantu Keluarga INTAN yAng terjejas banjir dengan mengerah kudrat mencuci, membersihkan dan mengemas rumah yang dilanda banjir, mengumpul dana dan barangan sumbangan. Sesungguhnya harta boleh dicari tapi sifat kasih dan kerelaan mengulur sumbangan budi tanpa mengira masa dan tenaga, adalah sesuatu yang amat terpuji.

30. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat tahun baru 2022 buat seluruh keluarga INTAN yang dikasihi. PI jumpa lagi keluarga INTAN tahun hadapan!

Sekian, terima kasih.